



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

15,082 PROJEK PEMBANGUNAN BUKTI KERAJAAN MADANI KOMITED DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT

JENJAROM, 6 Januari 2026 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) hari ini menganjurkan **Majlis Sentuhan Kejayaan Jabatan Kerajaan Tempatan Tahun 2025** bagi meraikan pencapaian cemerlang dalam memperkasakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara.

Majlis yang berlangsung di **Pasar Awam Sungai Jarom** adalah di bawah seliaan **Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL)** ini telah disempurnakan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM). Penganjuran program ini merupakan manifestasi penghargaan Kerajaan MADANI terhadap komitmen jitu warga kerja JKT dan PBT dalam memacu agenda perbandaran mampan serta memastikan penyampaian perkhidmatan yang efisien dan berkualiti tinggi demi kesejahteraan rakyat.

Sepanjang tahun 2025, JKT telah merekodkan pencapaian membanggakan apabila sebanyak **RM904.3 juta** peruntukan kewangan di bawah belanja mengurus telah disalurkan kepada PBT. Penyaluran peruntukan ini jelas menunjukkan komitmen JKT dalam memandu usaha transformasi bandar secara inklusif dan berdaya tahan.

YB KM berkata, " Dari tahun 2023 hingga 2025, KPKT menerusi JKT telah berjaya melakar pencapaian dengan menyiapkan sebanyak **15,082 projek pembangunan BP.1** skala kecil RMK-12 di seluruh negara. Malah, Kementerian Ekonomi turut meluluskan 14 projek BP.1 skala besar di mana 10 daripadanya merupakan projek pasar baharu," katanya ketika berucap pada majlis tersebut.

Beliau menambah, kejayaan pelaksanaan projek pembangunan BP.1 dan sistem perparitan yang sistematik juga telah menyumbang kepada pengurangan sebanyak **145 hotspot banjir** di seluruh negara, sekaligus memberi impak positif kepada keselamatan dan kebajikan rakyat.

Mengulas mengenai inisiatif digital, YB KM memaklumkan bahawa pendigitalan

perkhidmatan PBT telah mendapat sambutan yang amat luar biasa. Buktinya, kutipan terkumpul melalui gerbang pembayaran **PBTPay** bagi tempoh lima tahun telah mencecah **RM1.56 bilion**. Momentum positif ini jelas kelihatan apabila kutipan tahunan melonjak daripada RM448.9 juta pada tahun 2024 kepada **RM538 juta** pada tahun 2025. Selain itu, sistem aduan **PBTCare** turut merekodkan penerimaan 10,500 aduan dengan 18,230 pengguna berdaftar, sekaligus membuktikan peningkatan kepercayaan rakyat terhadap ketelusan sistem penyampaian kerajaan.

Agenda pendigitalan ini turut diperhebat menerusi kejayaan **Sistem OSC 3.0 Plus Online** yang telah memproses hampir **50,000 permohonan** sepanjang Januari hingga Disember 2025. Sistem berpusat ini bukan sahaja mempercepatkan proses kelulusan pelan pemajuan, malah menjamin keselamatan data dan boleh diakses 24/7 tanpa had lokasi.

Dari aspek keselamatan infrastruktur, JKT turut memberi tumpuan kepada projek membaik pulih dan pengukuhan **cerun** di kawasan PBT. Sebanyak 97 projek di 11 negeri telah dikenal pasti melibatkan peruntukan **RM69.13 juta**, dan sehingga kini, **63 projek telah berjaya disiapkan**.

Dalam aspek pembangunan komuniti, sebanyak RM101 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan **858 projek pembangunan Kampung Baru** yang merangkumi pemerkasaan infrastruktur asas serta program pembaikan rumah. Usaha ini diperkukuhkan lagi melalui Program Kampung Angkat MADANI dengan peruntukan RM700 ribu bagi merangsang ekonomi setempat. Agenda kesejahteraan ini turut diperluas melalui peruntukan RM10 juta di bawah Belanjawan 2025 bagi pembangunan fizikal Kampung India yang memberi manfaat kepada 14,426 penduduk, selain sokongan tambahan RM5 juta menerusi Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India Malaysia (PPSMI) di bawah Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia(MITRA).

Bagi agenda pembudayaan kebersihan, penganjuran **Toilet of The Year Award (TOTYA 2025)** telah berjaya meningkatkan standard tandas awam kepada taraf 5 Bintang iaitu Bersih, Menawan, dan Wangi (BMW). Data menunjukkan peningkatan ketara tandas bertaraf "BMW" bagi sektor swasta daripada 37% pada tahun 2022 kepada **59% pada tahun 2025**.

Manakala tandas milik PBT **melonjak daripada 43% kepada 79%** dalam tempoh yang sama. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan kualiti fasiliti awam, malah dijangka menjana nilai ekonomi industri kelengkapan tandas melebihi RM100 juta.

Melangkah ke tahun 2026, JKT mengukuhkan tekad untuk terus memacu kecemerlangan tadbir urus melalui sinergi strategik bersama PBT di seluruh negara. Komitmen ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang berpaksikan kesejahteraan rakyat selari dengan peranan PBT sebagai ejen transformasi dalam menyediakan perkhidmatan kesejahteraan kepada rakyat yang lebih responsif dan inklusif.

Majlis ini turut dihadiri oleh YB Tuan Papparaidu a/l Veraman, ADUN Banting, YBhg. Datuk Mohd Zamri Bin Mat Zain, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Dan Pembangunan) KPKT, YBrs. Zulkeflee Bin Sulaiman, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan Dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT, YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Kenali, Ketua Pengarah JKT dan YBrs. Encik Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat.

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

